

25 AUG 2001

Mahathir-KMM

KERAJAAN SERBA SALAH DALAM ISU KMM, KATA PM

IPOH, 25 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan berada dalam keadaan serba salah berhubung penangkapan anggota-anggota Kumpulan Militan Malaysia kerana ia tidak dapat menjelaskan isu itu lebih lanjut kepada awam akibat sekatan undang-undang padahal pembangkang telah menjadikannya sebagai modal politik.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak dapat menerangkan kepada orang ramai kegiatan KMM dengan lebih terperinci disebabkan batasan undang-undang dan ini akan menyebabkan mereka hilang kepercayaan kepada kerajaan.

"Kita menghadapi masalah sedikit, kes ini akan dikemukakan ke mahkamah. Jadi kita tak hendak prejudis kes ini dengan buat pengumuman itu, pengumuman ini," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di sini untuk menyaksikan bendera Malaysia terbesar dan menghadiri Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan 2001.

Perdana Menteri berkata parti pembangkang menggunakan isu itu sebagai modal politik dengan menuduh kononnya pendedahan kegiatan KMM itu adalah satu sandiwara kerajaan.

"Jadi kerajaan ini dah sandiwara sehingga polis boleh benarkan orang tembak mati orang. Saya fikir parti lawan ini tidak bertanggungjawab sama sekali. Perkara ini tidak harus dijadikan isu politik," katanya.

Dr Mahathir berkata undang-undang negara ini lebih ketat berbanding negara lain yang membolehkan orang ramai dan media membincangkan sesuatu kes secara terbuka walaupun perbincangan masih berjalan.

"Seperti kes O.J. Simpson (bekas bintang sukan Amerika Syarikat). Sementara perbincangan diadakan di mahkamah, perbincangan di media pula diadakan. Tapi kita berhati-hati di sini," katanya.

Dr Mahathir berkata jika parti pembangkang berasa takut mereka terlibat secara tidak langsung, mereka seharusnya membuat pendirian menyatakan itu bukan dasar parti mereka dan menyatakan bahawa beberapa orang tertentu itu bertindak bersendirian, sambil beliau memberi contoh anak Menteri Besar Kelantan, Nik Adli Nik Abdul Aziz.

Nik Adli ditahan oleh polis mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini bersama beberapa lagi orang kerana dipercayai terlibat dengan KMM.

Ditanya sama ada kerajaan akan menghentikan pengumuman mengenai KMM, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu juga memberi keterangan kepada rakyat yang inginkan maklumat mengenainya.

"Jadi sekarang kita kumpulkan bukti. Sampai masanya yang sesuai, kita dedah," katanya.

Mengenai laporan akhbar hari ini bahawa banyak senjata api diseludup ke Malaysia dari Thailand, Dr Mahathir berkata kegiatan seperti itu biasa berlaku sebelum ini walaupun pelbagai sekatan seperti membina tembok di sempadan dibuat oleh kerajaan.

Katanya, pihak berkuasa sedar anggota-anggota KMM ada membeli senjata dari merata-rata tempat, termasuk senjata M-16 dari Thailand.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengetatkan kawalan di sempadan bagi memastikan kegiatan penyeludupan senjata itu dapat diatasi.

Mengulas pendedahan Universiti Utara Malaysia mengenai kewujudan satu gerakan menyamai fahaman jihad kumpulan militan seperti KMM di universiti itu, Dr Mahathir berkata ia perlu dikawal segera.

"Benda itu semakin menjadi-jadi. Kita kena kawal keadaan," katanya.

Dr Mahathir yang turut ditanya mengenai kenyataan Kementerian Luar Indonesia bahawa cadangan Malaysia menyekat pendatang tanpa izin akan menjejaskan hubungan kedua-dua negara, berkata perkara itu tidak timbul.

"Singapura sebat. Perhubungan (Indonesia) dengan Singapura macam mana. Yang datang pengganas pun ada," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri akan membangkitkan itu semasa lawatannya ke Malaysia Isnin ini.

-- BERNAMA

AR MAI